

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah tawaran dan pengambilan pelajar mengikut kaum dan aliran mata pelajaran untuk seluruh negara bagi pengambilan matrikulasi 2020/2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa awal pelaksanaan Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 1999, pengambilan pelajar adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi dengan pengambilan 100% pelajar Bumiputera. Namun, pada tahun 2002, Kerajaan telah menetapkan supaya 10% daripada tempat dalam Program Matrikulasi KPM dibuka kepada pelajar bukan bumiputera. Oleh demikian, kuota pengambilan pelajar Program Matrikulasi KPM mulai tahun 2002 ialah 90% untuk pelajar Bumiputera dan 10% untuk pelajar bukan Bumiputera. Kuota pengambilan tersebut masih dikekalkan sehingga kini.

Untuk tahun 2020, jumlah tawaran bagi pengambilan pelajar Program Matrikulasi KPM ialah 30,000 tempat. Daripada jumlah tersebut, 27,000 tempat adalah untuk pelajar Bumiputera dan 3,000 tempat lagi untuk pelajar bukan Bumiputera. Ini adalah berdasarkan kuota pengambilan sedia ada, iaitu 90:10. Khusus bagi nisbah pengagihan kuota 10% pelajar bukan bumiputera, Kerajaan pada 6 Mei 2020 telah memutuskan bahawa peratusan pengambilan pelajar adalah mengikut nisbah 5.43 (Cina):3.72 (India):0.85 (lain-lain).

Secara keseluruhan, jumlah penawaran bagi pengambilan pelajar di Program Matrikulasi KPM tahun 2020 mengikut aliran ialah 24,100 (80.3%) aliran Sains, 1,400 (4.7%) Kejuruteraan dan 4,500 (15%) Perakaunan.

Sekian, terima kasih.